

**SULIT**

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM  
TAHUN 2011**

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A,B,C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah**

**SULIT**

**SULIT**

2

3756/1

Jawab semua soalan.

1 Antara ciri-ciri berikut yang manakah benar tentang bentuk perniagaan?

	CIRI	PERKONGSIAN	SYARIKAT BERHAD	KOPERASI
I	Pengurusan	Pekongsi aktif	Lembaga pengarah	Anggota Lembaga Koperasi
II	Bilangan Ahli	2 hingga 20 orang	Melebihi 2 orang	Minimum 100 orang
III	Sumber Modal	Pemilik sendiri	Pemegang saham	Rakan pekongsi
IV	Liabiliti	Tidak terhad	Terhad	Terhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Menurut konsep ini, nilai atau angka yang dilaporkan dalam penyata kewangan perlu diselaraskan semula pada nilai pasaran sekiranya nilai asal, iaitu kos sejarah tersebut tidak lagi memberi gambaran terkini. Apakah konsep yang dimaksudkan di atas?

- A Relevan
- B Kebolehpercayaan
- C Asas Perakaunan Akruan
- D Pelaporan Berasaskan Nilai Saksama

3 Penyata kewangan mesti bebas daripada sebarang kesalahan nyata, fakta didedahkan dengan bukti, serta tidak berat sebelah. Apakah ciri kualitatif yang dimaksudkan?

- A Relevan
- B Kebolehpercayaan
- C Kebolehbandingan
- D Pelaporan Berasaskan Nilai Saksama

**SULIT**

3

3756/1

4 Perniagaan Taibah mempunyai carta akaun seperti berikut:

Jenis akaun	Kod item
Aset	1000-1999
Liabiliti	2000-2999
Ekuiti pemilik	3000-3999
Hasil	4000-4999
Belanja	5000-5999

Apakah nombor kod yang betul bagi akaun alat tulis?

- A 5 050
- B 4 102
- C 2 301
- D 1 200

5 Maklumat di bawah diambil daripada buku Perniagaan Ustapadi pada 31 Disember 2010.

Pulangan keluar	276
Stok pada 1 Januari 2010	7 209
Stok pada 31 Disember 2010	5 584
Gaji pekerja	4 800
Angkutan keluar	360
Jualan	39 400
Belian	23 093

Berapakah kos jualan Perniagaan Ustapadi?

- A RM22 817
- B RM24 442
- C RM24 802
- D RM30 026

3756/1

**SULIT**

**SULIT**

4


3756/1

- 6 **Penyataan di bawah merupakan urus niaga yang berlaku dalam Yuni Enterprise.**

**Puan Yuni membeli sebuah komputer untuk melakukan kerja-kerja perkeranian di syarikatnya"**

**Apakah kesan perakaunan jika komputer tersebut dibeli secara kredit?**

- A Aset dan modal bertambah dengan jumlah yang sama.**
  - B Aset dan liabiliti bertambah dengan jumlah yang sama.**
  - C Liabiliti dan modal bertambah dengan jumlah yang sama.**
  - D Aset, liabiliti dan modal bertambah dengan jumlah yang sama.**
- 7 **Rajah di bawah menunjukkan aliran satu urus niaga.**



**Apakah dokumen Z?**

- A Nota Kredit**
- B Nota Debit**
- C Memo**
- D Invois**

**SULIT**

5

3756/1

8 Dokumen di bawah ialah invois yang dikeluarkan oleh ZIE Komputer.

<b>SALINAN</b>		<b>ZIE KOMPUTER</b>		<b>No: 0001</b>	
		15 Jalan Raya			
		09000 Kulim, Kedah			
<b>INVOIS</b>					
Kepada:				Tarikh: 14 Jun 2011	
Kedai Runcit Gembira					
88 Jalan Padang Serai					
09400 Kedah					
KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)		
1 unit	Note book –Acer	1 500.00	1 500.00		
1 unit	Printer Canon	350.00	350.00		
			1 850.00		
Tolak : Diskaun Niaga 10 %			185.00		
Jumlah			1 665.00		

(Ringgit: Seribu enam ratus enam puluh lima sahaja)

Syarat: 5% 14 hari, 3% 30 hari  
K & K.Di K.

...Min.....  
T.T. Penerima

...Zie.....  
Pengurus

Apakah urus niaga yang dilakukan oleh Kedai Runcit Gembira?

- A Menjual barang niaga secara kredit.
- B Membeli barang niaga secara kredit.
- C Menjual alatan pejabat secara kredit.
- D Membeli alatan pejabat secara kredit.

3756/1

**SULIT**

**SULIT**

6

3756/1

- 9 Maklumat di bawah diambil daripada buku Perniagaan Ka & Cau yang menjual alat tulis pada 30 Nov 2010.

**JURNAL AM**

TARIKH	BUTIR	FOLIO	DEBIT	KREDIT
2010 Nov 30	Alat tulis Belian		120	120

Urus niaga manakah yang sesuai dengan jurnal am di atas?

- A Belian alat tulis secara kredit.
  - B Merekod belanja alat tulis secara kredit.
  - C Ambilan barang niaga untuk kegunaan pejabat.
  - D Ambilan alat tulis untuk kegunaan anak pemilik.
- 10 Maklumat di bawah adalah sebahagian buku tunai (sebelah kredit) Perniagaan Pitis Jenuh Enterprise.

**BUKU TUNAI (SEBELAH KREDIT)**

TARIKH	BUTIR	DISKAUN	TUNAI	BANK
		RM	RM	RM
Okt 5	Peniaga Melosi	150		3 500

Berdasarkan Buku Tunai di atas apakah urus niaga yang sesuai untuk catatan pada 5 Oktober ?

- A Membayar Peniaga Melosi RM3 500 dan memberi diskaun RM150.
- B Membayar Peniaga Melosi RM3 500 dan menerima diskaun RM150.
- C Menerima bayaran dari Peniaga Melosi RM3 500 dan memberi diskaun RM150.
- D Menerima bayaran dari Peniaga Melosi RM3 500 dan menerima diskaun RM150.

3756/1

**SULIT**

**SULIT**

7

3756/1

11 **Urus niaga yang manakah yang direkodkan ke dalam Jurnal Penerimaan Tunai?**

- I Bayaran oleh penghutang.
- II Memasukkan wang tunai ke bank.
- III Menjelaskan hutang kepada pemiutang.
- IV Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi.

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D II dan IV

12 **Data di bawah diambil daripada buku Kedai Pakaian Lelaa pada bulan Mei 2011 :**

	RM
Baki penghutang pada 1 Mei 2011	7 200
Cek diterima daripada penghutang	5 500
Diskaun diberi	120
Pindahan baki dari Lejar Jualan ke Lejar Belian	70
Baki penghutang pada 31 Mei 2011	4 570

**Hitungkan jumlah jualan kredit.**

- A RM2 920
- B RM3 060
- C RM8 180
- D RM8 320

**SULIT**

8

3756/1

13 Dokumen di bawah adalah memo yang dikeluarkan oleh Kedai Buku Guan .

<p><b>KEDAI BUKU GUAN</b>                  No. 2, Taman Mewah,                  09600 Lunas, Kedah.</p> <p style="text-align: right;">Tarikh: 5 Jun 2011</p> <p style="text-align: center;"><b>MEMO</b></p>
<p>Pemilik memindahkan tunai dari akaun simpanannya sebanyak RM9 000 ke dalam akaun bank perniagaannya.</p> <p style="text-align: center;">Guan Pengurus</p>

Antara berikut manakah catatan yang betul dalam buku tunai?

**Buku Tunai**

A

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
Jun 5	Modal	9 000					

**Buku Tunai**

B

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
Jun 5	Tunai		9 000				

**Buku Tunai**

C

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
				Jun 5	Bank	9000	

**Buku Tunai**

D

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
Jun 5	Modal		9 000				

3756/1

**SULIT**

**SULIT**

9

3756/1

- 14 Apakah urus niaga yang tidak direkod dalam Buku Tunai Runcit ?
- A Membeli perabot secara tunai RM300.
  - B Memberi pinjaman kepada pekerja RM50.
  - C Membeli kertas dan dakwat pencetak RM45.
  - D Menghantar surat dan bungkusan berdaftar RM25.
- 15 Antara berikut, pernyataan manakah menerangkan fungsi Imbangan Duga?
- I Menyemak ketepatan catatan persamaan perakaunan.
  - II Menyemak ketepatan proses pengeposan ke lejar.
  - III Memudahkan penyediaan penyata kewangan.
  - IV Memudahkan pengiraan untung bersih.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 16 Maklumat di bawah menunjukkan beberapa kesilapan yang ditemui dalam buku Kalut Enterprise.
- I Jumlah Jurnal Pulangan Jualan terlebih catat RM56.
  - II Angkutan keluar RM89 tersalah catat sebagai pulangan keluar.
  - III Jualan perabot RM420 kepada Shaun tersalah rekod ke akaun Sham.
  - IV Ambilan barang niaga RM71 terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.

Kesilapan manakah yang tidak dapat dikesan dalam Imbangan duga?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3756/1

**SULIT**

**SULIT**

10

3756/1

17 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Yati Enterprise.

Akaun Belanja Am							
			RM		RM		
Jan	1	Baki b/b	80	Jan	1	Baki b/b	120
	31	Tunai runcit	240		31	Untung rugi	150
						Baki h/b	50
			<u>320</u>				<u>320</u>

Merujuk kepada akaun belanja am di atas, berapakah jumlah belanja terakru?

- A RM50
- B RM80
- C RM120
- D RM150

18 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Termizi:

<u>Imbangan duga pada 30 Jun 2011 (petikan)</u>	
	RM
Insurans	600

<u>Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011 (petikan)</u>		
	RM	RM
Untung kasar		8 800
<u>Belanja</u>		
Insurans	150	

Berapakah insurans terdahulu?

- A RM750
- B RM600
- C RM450
- D RM150

**SULIT**

11

3756/1

19 Apakah item yang mengurangkan kos jualan?

- A Stok akhir
- B Stok awal
- C Belian bersih
- D Jualan bersih

20 Pada 4 Januari 2011, Encik Kelana telah menjelaskan hutang ayahnya RM500 yang telah meninggal dunia. Hutang tersebut telah dihapuskan sebagai hutang lapuk oleh Tuah Berhad.

Apakah catatan jurnal yang disediakan oleh Tuah Berhad untuk merekod urus niaga di atas?

		Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Hutang Lapuk Hutang Lapuk Terpulih	500	500
B	Hutang Lapuk Terpulih Hutang Lapuk	500	500
C	Hutang Lapuk Penghutang	500	500
D	Penghutang Hutang Lapuk Terpulih	500	500

3756/1

**SULIT**

**SULIT**

12

3756/1

- 21 Pada 1 Januari 2010, Maher Trading telah membeli sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) berharga RM60 000. MPV tersebut disusutnilaikan pada kadar 15% setahun mengikut kaedah garis lurus. Pada 30 Jun 2011, MPV tersebut dijual pada harga RM45 000.

Tahun perakaunan Maher Trading berakhir pada 30 Jun setiap tahun.

Hitung untung atau rugi atas pelupusan MPV tersebut?

- A Rugi atas pelupusan MPV RM3 000
  - B Rugi atas pelupusan MPV RM1 500
  - C Untung atas pelupusan MPV RM3 000
  - D Untung atas pelupusan MPV RM1 500
- 22 Antara berikut, pernyataan manakah yang menerangkan tujuan kawalan tunai?
- I Mengelakkan berlakunya kehilangan tunai kerana penyelewengan.
  - II Memastikan semua hutang dapat dijelaskan tepat pada waktunya.
  - III Mengelakkan kehilangan dokumen perniagaan yang sah.
  - IV Memastikan hutang lapuk tidak berlaku.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

**SULIT**

13

3756/1

23 Penyata bank bagi bulan Mei 2011 Perniagaan Delaila menunjukkan baki kredit sebanyak RM3 183. Baki buku tunai pada 31 Mei untuk akaun bank menunjukkan baki debit RM5 688. Baki ini berbeza disebabkan perkara-perkara berikut:

- i. Bayaran buku cek RM30.
- ii. Dividen sebanyak RM560 dikreditkan terus ke akaun bank.
- iii. Cek tak laku berjumlah RM890 dipulangkan oleh pihak bank.

Hitung baki akaun bank dalam Buku Tunai selepas dikemaskini.

- A RM6 278
- B RM6 218
- C RM5 328
- D RM4 268

24 Maklumat berikut diperoleh daripada Jelajah Enterprise.

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir  
31 Disember 2011 (Petikan)

	Oktober RM	November RM	Disember RM
Baki awal	1 000	R	U
Jumlah Penerimaan	10 890	8 040	12 800
Jumlah Pembayaran	9 800	9 800	9 800
Lebihan / Kurangan	P	S	V
O	Q	T	W

Berapakah V?

- A Lebihan RM3 000
- B Lebihan RM2 430
- C Kurangan RM670
- D Kurangan RM3 570

**SULIT**

14

3756/1

25 Encik Imran menerima gaji RM3 000 sebulan. Kadar Caruman KWSP bahagian pekerja ialah 11% dan bahagian majikan ialah 12% . Hitungkan jumlah gaji bersih Encik Imran setahun.

- A RM36 000
- B RM32 040
- C RM31 380
- D RM21 960

Soalan 26 hingga 27 merujuk kepada Akaun Pengasingan Untung Rugi di bawah:

**Perkongsian NANI**

**Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2011**

	RM		RM	RM
Gaji Nana	15 500	Untung bersih		55 000
Kongsi untung:		X :		
Nana	?	Nana	150	
Nini	?	Nini	200	
				350
				350

26 Apakah X ?

- A Bonus pekongsi
- B Faedah atas modal
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas pinjaman oleh pekongsi

**SULIT**

15

3756/1

- 27 Ikatan Perjanjian Perkongsian perniagaan ini menyatakan nisbah untung atau rugi antara Nana dan Nini ialah 3 : 2. Hitungkan kongsi untung yang diterima oleh Nana dan Nini.

	Nana	Nini
A	RM15 940	RM 23 910
B	RM19 925	RM19 925
C	RM23 910	RM15 940
D	RM42 510	RM28 340

- 28 Danial dan Aiman ingin membubarkan perniagaan perkongsian mereka. Semasa pembubaran, pekongsi Danial setuju untuk mengambil alih kenderaan perniagaan berkos RM37 500 dengan harga RM30 500. Apakah catatan yang akan direkod dalam Akaun Realisasi ?

A

Akaun Realisasi	
	RM
Kenderaan	37 500

B

Akaun Realisasi	
	RM
Kenderaan	30 500

C

Akaun Realisasi	
	RM
Modal Danial	30 500

D

Akaun Realisasi	
	RM
Modal Danial	37 500

**SULIT**

16

3756/1

29 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Suria Berhad:

**Modal Berdaftar:**

2 500 000 9% saham keutamaan bernilai RM2.00 setiap satu

4 000 000 saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu

**Modal Diterbitkan dan Berbayar:**

2 000 000 9% saham keutamaan bernilai RM2.00 setiap satu

3 500 000 saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu

Lembaga pengarah telah membayar dividen interim bagi saham biasa dan saham keutamaan sebanyak 4%.

Pada akhir tahun kewangan, lembaga pengarah bersetuju mengistiharkan 10% dividen akhir bagi saham biasa.

Berapakah jumlah dividen akhir yang akan dibayar oleh Syarikat Suria Berhad?

A RM175 000

B RM375 000

C RM535 000

D RM575 000

30 Antara berikut, pernyataan manakah benar mengenai pemegang saham biasa?

I Menerima kadar dividen yang tetap.

II Berhak menerima tunggakan dividen.

III Berhak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan.

IV Pembayaran balik modal hanya dibuat selepas tuntutan pemegang saham keutamaan.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

3756/1

**SULIT**

**SULIT**

17

3756/1

31 Apakah aset semasa bagi sebuah kelab dan persatuan?

- A Yuran tertunggak
- B Yuran terdahulu
- C Yuran masuk
- D Yuran ahli

32 Baki-baki pada 1 Januari 2011 daripada Kelab Bola keranjang Changlun adalah seperti berikut :

	RM
Stok minuman	630
Alatan sukan	1 750
Gaji terakru	350
Tunai	1 500

Hitungkan dana terkumpul awal kelab tersebut.

- A RM 1 780
  - B RM 2 480
  - C RM 3 530
  - D RM 4 230
- 33 Apakah rumus yang betul untuk menghitung untung bersih?
- A  $\text{Untung bersih} = \text{Modal awal} - \text{Modal akhir} + \text{Ambilan}$
  - B  $\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} - \text{Modal awal} - \text{Ambilan}$
  - C  $\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} - \text{Modal awal} + \text{Modal tambahan}$
  - D  $\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} - \text{Modal awal} - \text{Modal tambahan}$

**SULIT**

18

3756/1

34 Maklumat berikut diambil daripada Kelab Tenis Purnama pada akhir tempoh perakaunan :

Yuran tahunan	RM50 seorang
Yuran diterima (Buku Tunai)	RM1 750
Yuran tertunggak	3 orang
Yuran terdahulu	2 orang

Berapakah jumlah yuran yang perlu dicatat dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM1 700
  - B RM1 750
  - C RM1 800
  - D RM1 900
- 35 Item manakah yang diambil kira dalam menghitung kos prima?
- I Belanja alat kecil
  - II Susut nilai mesin
  - III Gaji operator pengeluaran
  - IV Angkutan masuk bahan langsung
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

**SULIT**

19

3756/1

36 Dalam pengiraan kos pengeluaran, komponen manakah cap dagangan (paten) akan dicatat?

- A Kos overhed
- B Belanja langsung
- C Kos buruh langsung
- D Kos bahan langsung

37 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis produk pencuci pinggan yang dikeluarkan oleh Kilang Sinar Cahaya :

	RM
Kos tetap	25 000
Kos berubah seunit	2
Harga jualan seunit	4

Hitung untung sasaran jika kilang tersebut menjual 20 000 unit pencuci pinggan.

- A RM50 000
- B RM40 000
- C RM30 000
- D RM15 000

38 Maklumat berikut menunjukkan hasil analisis suatu nisbah keberuntungan.

“Setiap jualan sebanyak RM 100 akan menjanakan untung bersih sebanyak RM15”

Apakah nisbah keberuntungan yang berkenaan?

- A Margin
- B Tokokan
- C Pulangan atas modal
- D Peratus untung bersih atas jualan

**SULIT**

20

3756/1

39 Apakah maksud pernyataan di bawah?

Kadar pusing ganti stok bagi Permai Enterprise ialah 6 kali setahun

- A Stok ditukar sebanyak 2 kali sebulan.
- B Stok ditukar sebanyak 6 kali sebulan.
- C Stok ditukar ganti setiap 2 bulan sekali.
- D Stok ditukar ganti setiap 6 bulan sekali.

40 Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku-buku Perniagaan Setia Bakti pada 30 Jun 2011.

	RM
Stok awal	2 400
Stok akhir	2 680
Untung kasar	3 100
Kadar pusing ganti stok	7.5 kali

Hitung kos jualan.

- A RM19 050
- B RM21 150
- C RM23 250
- D RM38 100

**KERTAS SOALAN TAMAT**